



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 65  
Bil. 1

**1hb Januari 2012**

*TAMBAHAN No. 1  
ENAKMEN*

---

---

Enakmen yang berikut telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 25 November 2011 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 16 Disember 2011 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactment passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 25 November 2011 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak on 16 December 2012 is published for general information:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen A27	Enakmen Mineral (Perak) (Pindaan) 2011
Enactment A27	Mineral (Perak) (Amendment) Enactment 2011





# **UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK**

**ENAKMEN A27**

**ENAKMEN MINERAL (PERAK)  
(PINDAAN) 2011**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	...	16 Disember 2011
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	...	1 Januari 2012

**UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK****Enakmen A27****ENAKMEN MINERAL (PERAK)  
(PINDAAN) 2011**

BETA PERKENANKAN,

SULTAN AZLAN SHAH,  
*Sultan Perak*

2011

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Mineral (Perak) 2003.

[ ]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

**Tajuk ringkas**

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Mineral (Perak) (Pindaan) 2011.

**Pindaan seksyen 2**

2. Enakmen Mineral (Perak) 2003 [*Enakmen Bil. 7 tahun 2003*], yang disebut sebagai “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dalam subseksyen (1) Enakmen ibu dipinda-

(a) dengan menggantikan tafsiran “bahan batuan” tafsiran yang berikut:

‘ “bahan batuan” ertinya apa-apa batuan, batu, kelikir, pasir biasa, tanah biasa, laterit biasa, lom biasa, tanah liat biasa,

tanah (soil), tanah lumpur biasa, tanah rumput biasa, tanah gambut, karang, cangkerang dan apa-apa bahan batuan lain di dalam atau di atas mana-mana tanah, dan termasuk bahan-bahan yang diproses darinya, selain daripada bahan yang ditakrifkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan perlombongan yang pada masa itu berkuat kuasa; ’;

- (b) dengan memasukkan selepas tafsiran “buangan” tafsiran yang berikut:

‘ “deposit” ertinya sejumlah wang yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai cagaran yang perlu dibayar oleh pemegang tenemen lesen pemindahan bahan mineral; ’;

- (c) dengan memasukkan selepas tafsiran “kerja pembangunan” tafsiran yang berikut:

‘ “kuari” apabila digunakan sebagai kata nama ertinya apa-apa kerja letupan dan pengorekan terbuka atau pengorekan bawah tanah selain daripada yang dikawal oleh Kanun Tanah Negara bagi tujuan mengeluarkan dan memindahkan bahan mineral daripada mana-mana tanah dan termasuklah memecah atau kerja-kerja lain di tapak berkenaan atau di mana-mana sahaja dalam Negeri.

Apabila digunakan sebagai kata kerja, ertinya memecah atau mengorek tanah atau meletupkan bagi tujuan mengeluarkan dan memindahkan bahan mineral dari mana-mana tanah termasuk proses menghancurkan, mengisar dan menggilap atau lain-lain rawatan bahan di atas tapak berkenaan atau lain-lain tempat di dalam Negeri; ’;

- (d) dengan memasukkan selepas tafsiran “lesen mendulang” tafsiran yang berikut:

‘ “lesen pemindahan bahan mineral” ertinya suatu lesen pemindahan bahan mineral yang dikeluarkan di bawah seksyen 87A; ’;

(e) dalam tafsiran “tenemen mineral” -

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “lesen melombong tuan punya,” dengan perkataan “lesen pemindahan bahan mineral,”; dan
- (ii) dengan menggantikan noktah yang terdapat di hujung tafsiran “tenemen mineral” dengan perkataan “ ; dan ”; dan

(f) dengan memasukkan selepas tafsiran “tenemen mineral” tafsiran yang berikut:

‘ “weightbridge” ertinya instrumen menimbang dan menyukat yang digunakan bagi tujuan menentukan kuantiti bahan mineral yang dipindahkan dan hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 [*Akta 71*] dan perundangan-perundangan subsidiari di bawahnya.’.

### **Seksyen baru 87A hingga 87H**

3. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 87 seksyen yang berikut:

#### **“Bab 7 - Lesen Pemindahan Bahan Mineral**

#### **Permohonan untuk mendapatkan lesen pemindahan bahan mineral**

**87A.** (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen pemindahan bahan mineral hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam bentuk yang ditetapkan.

(2) Suatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen pemindahan bahan mineral boleh dimohon bagi tanah yang diberi

hakmilik tertakluk kepada kategori “kuari” ataupun bagi tanah Kerajaan.

(3) Lesen pemindahan bahan mineral boleh diberikan di mana-mana kawasan-

(a) tanah rizab;

(b) tanah yang diberi hakmilik, tanah lesen pendudukan sementara atau tanah lombong.

(4) Apabila permohonan di bawah subseksyen (1) diterima, Pengarah boleh menerima atau enggan memberi lesen itu dan keputusannya adalah muktamad.

(5) Jika permohonan untuk mendapatkan suatu lesen pemindahan bahan mineral diluluskan, lesen hendaklah dikeluarkan dalam Borang K yang dinyatakan dalam Jadual I, apabila dibayar fi yang ditetapkan, dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalamnya atau yang ditetapkan.

### **Syarat berkanun lesen pemindahan bahan mineral**

**87B.** Adalah menjadi suatu syarat bagi tiap-tiap lesen pemindahan bahan mineral yang diberikan di bawah Enakmen ini bahawa pemegang lesen itu-

(a) hendaklah membayar royalti yang kena dibayar di bawah lesen itu;

(b) tidak menggunakan peralatan yang dikendalikan dengan kuasa bagi mendapatkan mineral selain daripada yang dinyatakan di dalam lesen itu;

(c) hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat dan laporan bulanan ‘weightbridge’ dalam tempoh tujuh hari selepas tamatnya setiap bulan;

(d) hendaklah mematuhi penilaian kesan alam sekeliling yang diluluskan jika penilaian sedemikian dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan



- (e) hendaklah mengekalkan tahap keselamatan dan mengikut apa-apa tahap alam sekeliling yang ditetapkan.

### **Tempoh lesen pemindahan bahan mineral**

**87C.** (1) Suatu lesen pemindahan bahan mineral hendaklah sah selama tempoh tidak melebihi 31 Disember bagi tahun berkenaan dan tidak boleh dibaharui.

(2) Suatu lesen pemindahan bahan mineral hendaklah terhenti setelah tamat tempoh itu walaupun jumlah keseluruhan bahan mineral yang dinyatakan di dalam lesen belum habis dipindahkan.

### **Lesen menjadi khas untuk pemegang dan tidak boleh dipindahmilikkan**

**87D.** Suatu lesen pemindahan bahan mineral hendaklah menjadi khas untuk pemegangnya dan tidak boleh dipindahmilikkan.

### **Hak di bawah lesen pemindahan bahan mineral**

**87E.** Suatu lesen pemindahan bahan mineral hendaklah, tertakluk kepada Enakmen ini dan kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam lesen itu, memberi pemegangnya hak-

- (a) memindahkan apa-apa bahan mineral yang dinyatakan dalam lesen itu; dan
- (b) menyimpan, mengangkut, memproses dan menjual bahan mineral dan melupuskan apa-apa buangan,

di dalam kawasan yang dinyatakan dalamnya.

### **Pembatalan lesen pemindahan bahan mineral**

**87F.** (1) Pengarah boleh pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu membatalkan suatu lesen pemindahan bahan mineral jika ia berpuas hati bahawa pemegang lesen itu-

- (a) telah memungkirinya mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu; atau

(b) telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Pengarah hendaklah menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada pemegang lesen pemindahan bahan mineral notis bertulis tentang niatnya untuk membatalkan lesen itu dan alasan yang berdasarkannya ia bercadang mengambil tindakan sedemikian, dan ia hendaklah memberi pemegang lesen itu peluang untuk membuat representasi bertulis mengenainya dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian notis itu.

(3) Keputusan Pengarah membatalkan suatu lesen pemindahan bahan mineral di bawah seksyen ini adalah muktamad.

(4) Jika suatu lesen pemindahan bahan mineral telah dibatalkan di bawah subseksyen (1), pemegang lesen itu hendaklah dengan serta merta menyerahkan lesen itu kepada Pengarah.

### **Catatan dalam daftar**

**87G.** Jika suatu lesen pemindahan bahan mineral telah dibatalkan atau habis tempoh, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pengarah hendaklah mencatatkan atau menyebabkan dicatatkan suatu memorial tentang pembatalan atau habis tempoh itu dalam daftar lesen pemindahan bahan mineral.

### **Deposit berkenaan dengan lesen**

**87H.** Pengarah berhak menentukan jumlah deposit yang perlu dibayar oleh pemegang lesen pemindahan bahan mineral sebagai jaminan bagi-

- (a) pelaksanaan dan pematuhan dengan sempurna syarat-syarat dan terma yang ditetapkan dalam lesen tersebut;
- (b) pemulihan tanah dengan mana lesen itu ada kaitan apabila terhentinya lesen itu;
- (c) deposit tersebut boleh dirampas sekiranya Pengarah berpuashati bahawa pemegang lesen itu-
  - (i) telah memungkiri mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen itu; atau

- (ii) telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini.”.

### **Pindaan seksyen 115**

#### **4. Subseksyen 115 (1) Enakmen ibu dipinda-**

- (a) dengan memotong perkataan “dan” yang terdapat di hujung perenggan (g);
- (b) dengan menggantikan noktah yang terdapat di hujung perenggan (h) dengan perkataan “ ; dan” ; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:

“(i) daftar lesen pemindahan bahan mineral.”.

### **Pindaan seksyen 116**

#### **5. Seksyen 116 Enakmen ibu dipinda-**

- (a) dalam subseksyen (3) dengan memasukkan selepas perkataan “lesen melombong tuan punya,” dengan perkataan “lesen pemindahan bahan mineral,”; dan
- (b) dalam perenggan (3)(a) dengan memasukkan selepas perkataan “lesen melombong tuan punya,” dengan perkataan “lesen pemindahan bahan mineral,”.

### **Pindaan seksyen 117**

- 6. Seksyen 117 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (a) dengan memasukkan selepas perkataan “lesen melombong tuan punya,” dengan perkataan “lesen pemindahan bahan mineral,”.**

### **Pindaan seksyen 118**

- 7. Seksyen 118 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan “lesen melombong tuan punya,” dengan perkataan “lesen pemindahan bahan mineral,”.**

**Pindaan seksyen 119**

8. Seksyen 119 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan “lesen melombong tuan punya” dengan perkataan “,lesen pemindahan bahan mineral”.

**Pindaan Jadual I**

9. Enakmen ibu dipinda dalam Jadual I dengan memasukkan selepas Borang J Borang yang berikut:

“BORANG K

Enakmen Mineral (Perak) 2003

(subseksyen 87A (5))

LESEN PEMINDAHAN BAHAN MINERAL

Rujukan fail: \_\_\_\_\_

No. Lesen Pemindahan Bahan Mineral/Pendaftaran: \_\_\_\_\_

No. Lot/L.O.: \_\_\_\_\_

No. hakmilik semasa: \_\_\_\_\_

Kawasan: \_\_\_\_\_ hektar

Bandar/Kampung/Mukim: \_\_\_\_\_

Daerah: \_\_\_\_\_

Tarikh pendaftaran: \_\_\_\_\_

Tempoh lesen: \_\_\_\_\_

Tarikh habis tempoh: \_\_\_\_\_

Sewa tahunan: \_\_\_\_\_

Nama pemegang lesen: \_\_\_\_\_

No. K.P.P.N (jika berkenaan): \_\_\_\_\_

Alamat pemegang lesen: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Sebagai balasan fi yang kena di bayar sebanyak RM ....., tanah yang disebut di atas yang, bagi maksud pemindahan bahan mineral, seperti ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan.

Bertarikh: .....

(meterai) \_\_\_\_\_  
*Pengarah Tanah dan Galian”.*

Bertarikh 1 November 2011

[ PTG. PK. 800-25(K); PU.PK.20/2002 Jld. 2 ]

DATO' AHMAD KAMAL BIN MD. SHAHID  
*Penasihat Undang-Undang Negeri  
Perak Darul Ridzuan*





# **LAWS OF THE STATE OF PERAK**

**ENACTMENT A27**

**MINERAL (PERAK) (AMENDMENT)**

**ENACTMENT 2011**

Date of Royal Assent ... .. 16 December 2011

Date of publication in the *Gazette*... .. 1 January 2012



## LAWS OF THE STATE OF PERAK

## Enactment A27

MINERAL (PERAK)(AMENDMENT)  
ENACTMENT 2011

I ASSENT,

SULTAN AZLAN SHAH,  
*Sultan of Perak*

2011

An Enactment to amend the Mineral (Perak) Enactment 2003.

[ ]

ENACTED by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

**Short title**

**1.** This Enactment may be cited as the Mineral (Perak) (Amendment) Enactment 2011.

**Amendment of section 2**

**2.** The Mineral (Perak) Enactment 2003 [*Enactment No. 7 of 2003*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, in subsection (1) of the principal Enactment is amended -

(a) by substituting for the interpretation of “rock material” the following interpretation:

‘ “rock material” means any rock, stone, gravel, common sand, common earth, common laterite, common loam, common clay, soil, common mud, common turf, peat, shell, coral and any other rock materials within or upon any land,

and includes processed materials therefrom, other than minerals defined under any written law relating to mining which is for the time being in force; ’;

- (b) by inserting after the interpretation of “waste” the following interpretation:

‘ “deposit” means a sum of money as specified by the State Authority as security paid by the holder of a tenement licence to remove mineral; ’;

- (c) by inserting after the interpretation of “development work” the following interpretation:

‘ “quarry” when used as a noun it means any explosion work and open excavation or underground excavation other than controlled by the National Land Code for the purpose of extracting and removing mineral from any land and including breaking of or other works on the said land or in anywhere else in the State.

When used as a verb, it means breaking or digging earth or to explode for the purpose of extracting and removing mineral from any land including the process of crushing, grinding and polishing or other treatment on the said land or anywhere else in the State; ’;

- (d) by inserting after the interpretation of “dulang licence” the following interpretation:

‘ “removal of mineral licence” means a removal of mineral licence issued under section 87A; ’;

- (e) in the interpretation of “mineral tenement”-

(i) by inserting after the words “proprietary mining licence,” with the words “removal of mineral licence,” ; and

- (ii) by substituting for the full stop appearing at the end of interpretation of “mineral tenement” with the word “; and”; and
- (f) by inserting after the interpretation of “mineral tenement” the following interpretation :

“weightbridge” means instrument for weighing and measuring used for the purpose for ascertaining the quantity of mineral removed and shall comply with the prescribed specification under the Weights and Measures Act 1972 [*Act 71*] and any subsidiary made thereunder.’.

### **New sections 87A to 87H**

- 3.** The principal Enactment is amended by inserting after section 87 the following sections:

#### **“Chapter 7 – Removal of Mineral Licence**

##### **Application for removal of mineral licence**

**87A.** (1) An application for removal of mineral licence shall be made to the Director in the prescribed form.

(2) An application for removal of mineral licence may be applied for alienated land subject to the category “quarry” or State land.

(3) Removal of mineral licence may be granted in any area of the—

(a) reserved land;

(b) alienated land, temporary occupation licence’s land or mining land.

(4) Upon receipt of an application under subsection (1), the Director may grant or refuse to grant such licence and his decision shall be final.

(5) Where an application for a removal of mineral licence is granted, such licence shall be issued in Form K as set out in Schedule I, upon payment of the prescribed fee, and shall be subject to such terms and conditions as may be specified therein or as may be prescribed.

### **Statutory conditions of removal of mineral licence**

**87B.** It shall be a condition of every removal of mineral licence granted under this Enactment that the holder of the licence—

- (a) shall pay the royalties due under the licence;
- (b) shall refrain from the use of power-operated equipment to win minerals other than as specified in the licence;
- (c) shall submit such information and monthly weightbridge report within seven days after the end of each month;
- (d) shall comply with an approved environmental impact assessment if such assessment is required under any written law; and
- (e) shall maintain the safety level and to such environmental standards as may be prescribed.

### **Duration of removal of mineral licence**

**87C.** (1) A removal of mineral licence shall be valid for a term not exceeding 31 December of the year and shall not be renewable.

(2) A removal of mineral licence shall terminate at the expiry of the term even though the total quantity of mineral specified therein has not by then been removed.

### **Licence personal to the holder and not transferable**

**87D.** A removal of mineral licence shall be personal to the holder thereof and shall not be transferable.

**Rights under removal of mineral licence**

**87E.** A removal of mineral licence shall, subject to this Enactment and to the terms and conditions specified in the licence, confer upon the holder thereof the rights—

- (a) to remove for any mineral specified in the licence; and
- (b) to store, transport, process and sell the minerals and dispose of any waste,

within the area specified therein.

**Revocation of removal of mineral licence**

**87F.** (1) The Director may at any time he deems necessary revoke a removal of mineral licence if he is satisfied that the holder of the licence—

- (a) has breached any of the terms or conditions specified in the licence; or
- (b) has contravened any of the provisions of this Enactment.

(2) For the purpose of subsection (1), the Director shall serve or cause to be served on the holder of a removal of mineral licence written notice of his intention to revoke the licence and the grounds on which he proposes to take such action, and he shall give the holder of the licence thereof an opportunity to make written representation thereon within fourteen days from the date of service of the notice.

(3) The decision of the Director to revoke a removal of mineral licence under this section shall be final.

(4) Where a removal of mineral licence has been revoked under subsection (1), the holder of the licence shall forthwith surrender the licence to the Director.

**Entry in register**

**87G.** Where a removal of mineral licence has been revoked or expired, as the case may be, the Director shall enter or cause to be

entered a memorial of such revocation or expiry in the register removal of mineral licence.

### **Deposit for licence**

**87H.** The Director has a right to determine the amount to be deposited by the holder of a removal of mineral licence as security for –

- (a) the due performance and compliance of the terms and conditions as specified in the licence;
- (b) the rehabilitation of the land which the licence relates upon the termination thereof;
- (c) the deposit may be forfeited if the Director is satisfied that the holder of the licence-
  - (i) has breached any of the terms or conditions specified in the licence; or
  - (ii) has contravened any of the provisions of this Enactment.”.

### **Amendment of section 115**

**4.** Subsection 115 (1) of the principal Enactment is amended -

- (a) by deleting the word “and” appearing at the end of paragraph (g);
- (b) by substituting for the full stop appearing at the end of paragraph (h) the word “ ; and ”; and
- (c) by inserting after paragraph (h) the following paragraph :
  - “(i) the register of removal of mineral licences.”.

**Amendment of section 116**

5. Section 116 of the principal Enactment is amended—

- (a) in subsection (3) by inserting after the words “proprietary mining licence,” with the words “removal of mineral licence,”; and
- (b) in paragraph (3) (a) by inserting after the words “proprietary mining licence,” with the words “removal of mineral licence,”.

**Amendment of section 117**

6. Section 117 of the principal Enactment is amended in subsection (a) by inserting after the words “proprietary mining licence,” with the words “removal of mineral licence,”.

**Amendment of section 118**

7. Section 118 of the principal Enactment is amended in subsection (1) by inserting after the words “proprietary mining licence,” with the words “removal of mineral licence,”.

**Amendment of section 119**

8. Section 119 of the principal Enactment is amended in subsection (2) by inserting after the words “proprietary mining licence” with the words “, removal of mineral licence”.

**Amendment of Schedule I**

9. The principal Enactment is amended in Schedule I by inserting after Form J the following Form:

## “FORM K

## Mineral (Perak) Enactment 2003

(subsection 87A (5))

## REMOVAL OF MINERAL LICENCE

File reference: \_\_\_\_\_

Removal of Mineral Licence/ Registration No. : \_\_\_\_\_

Lot/ L.O. No.: \_\_\_\_\_

Current title No.: \_\_\_\_\_

Area: \_\_\_\_\_ hectares

Town/ Village/ Mukim: \_\_\_\_\_

District: \_\_\_\_\_

Date of registration: \_\_\_\_\_

Term of licence: \_\_\_\_\_

Date of expiry: \_\_\_\_\_

Annual rent: \_\_\_\_\_

Name of holder of licence: \_\_\_\_\_

N.R.I.C No. (if applicable) : \_\_\_\_\_

Address of holder of licence: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

In consideration of the due payment of the fee of RM .....,  
the land mentioned above which, for purpose of removal of mineral, is  
shown in the attached plan.

Dated: .....

(seal) \_\_\_\_\_

*Director of Lands and Mines”.*

Dated 1 November 2011

[PTG.PK.800-25(K); PU.PK.20/2002 Jld.2]

DATO’ AHMAD KAMAL BIN MD. SHAHID

*State Legal Adviser**Perak Darul Ridzuan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA